

U B878 AAB
MAHATHIR-CUEPACS R'R'R'

KUALA LUMPUR, 20 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK SANGGUP BERHUTANG DARI LUAR NEGERI UNTUK MEMBAYAR GAJI KAKITANGAN KERAJAAN KERANA LAMBAT LAUN NEGARA AKAN JADI PAPA.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN KERAJAAN TELAH MENGAMBIL LANGKAH MENGURANGKAN BELANJA, PENDAPATANNYA MASIH JUGA MENURUN DAN +AKAN SAMPAI KEPADA PERINGKAT YANG KITA MESTI BERHUTANG UNTUK MEMBAYAR GAJI.+

+SIAPA JUGA FAHAM BAHAWA JIKA KITA BERHUTANG UNTUK BELANJA YANG HANGUS, LAMBAT LAUN KITA AKAN MENJADI PAPA DAN ABDI KEPADA ORANG YANG MEMBERI HUTANG,+ TEGAS BELIAU SEMASA MERASMIKAN KONVENSYEN PERWAKILAN KE-17 CUEPACS DI SINI.

TAMBAH BELIAU: +SEBAGAI SEBUAH NEGARA, KEBEBASAN KITA AKAN TERJEJAS DAN KITA AKAN TERPAKSA MENGIKUT TELUNJUK BANK-BANK DI DUNIA DAN NEGARA-NEGARA YANG KAYA MENGENAI PENGURUSAN EKONOMI KITA.+

+JIKA KITA TIDAK DAPAT BERHUTANG, KITA TERPAKSA MENGURANGKAN BELANJA, TERMASUK BELANJA MENGURUS -- MUNGKIN JUGA DENGAN MENGURANGKAN GAJI ATAU MEMBERHENTIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA KAKITANGAN KERAJAAN,+ KATANYA.

-- LAGI

1340MST 20 10 86

D683

U B880 AAB
MAHATHIR-CUEPACS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +INILAH MASALAH YANG KITA HADAPI SELAGI KITA TIDAK DAPAT MENGEKSPORT BARANGAN KITA DENGAN HARGA YANG MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA KITA.+

KATANYA, OLEH KERANA HARGA BARANGAN TIDAK AKAN PULIH DALAM JANGKA PENDEK DAN SEDERHANA, NEGARA PERLU BERUSAHA, PERTAMANYA, MENGURANGKAN PERBELANJAAN, DAN KEDUANYA MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN.

PENGORBANAN DIPERLUKAN SEKARANG UNTUK MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK.

SESUATU TINDAKAN OLEH MANA-MANA PIHAK YANG AKAN MENGGANGGU PEMULIHAN EKONOMI NEGARA HANYA AKAN MELAMBATKAN PEMULIHAN PENDAPATAN NEGARA, TEGAS BELIAU.

+MASALAH YANG KITA HADAPI ADALAH MASALAH KITA BERSAMA, BUKAN MASALAH KERAJAAN ATAU MASALAH MAJIKAN ATAU PIHAK SWASTA ATAU PEKERJA SWASTA. OLEH ITU KITA HARUS BEKERJASAMA.+ -- LAGI

1343MST 20 10 86

U B882 AAB
MAHATHIR-CUEPACS 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI CUEPACS, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAHIRKAN RASA BANGGA KERANA KESATUAN ITU SUDAH KEMBALI KEPADA PERANANNYA SEBAGAI KESATUAN SEKERJA DAN TIDAK LAGI MENJADI BADAN POLITIK ATAU MEMBENARKAN DIRINYA DIPERALATKAN UNTUK TUJUAN POLITIK.

KATANYA DI MANA KESATUAN SEKERJA DIPERALATKAN UNTUK TUJUAN POLITIK, KEPENTINGAN PEKERJA AKAN DIKETEPIKAN DAN JIKA PARTI POLITIK ITU MENGAMBIL-ALIH KUASA KERAJAAN, MAKA KESATUAN DAN PEKERJA AKAN DITINDAS TERUS.

BELIAU JUGA BERKATA SIKAP KEPIMPINAN BARU CUEPACS YANG LEBIH REALISTIK SEPERTI YANG DITUNJUKKAN DALAM RUNDINGAN BARU-BARU INI DENGAN PIHAK KERAJAAN IALAH KERANA KESATUAN SEKERJA ITU +DAPAT MELEPASKAN DIRI DARIPADA ORANG-ORANG YANG MEMPUNYAI NIAT LAIN.+

+TIDAK ADA LAGI PERBUATAN BERSETUJU DI DALAM DAN TIDAK BERSETUJU DI LUAR YANG TELAH MENYEBABKAN KEPINCANGAN DAN KONFRANTASI DALAM PERHUBUNGAN PERUSAHAAN DI SEKTOR AWAM.+

PERDANA MENTERI JUGA MENOLAK ANGGAHAN BAHAWA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA TIDAK MENJADI PEMIMPIN JIKA IA TIDAK BERMUSUH DENGAN MAJIKAN, SAMBIL BERKATA BAHAWA SIKAP BERMUSUH-MUSUHAN KERAP MENGGAGALKAN PERJUANGAN.

-- LAGI

1349MST 20 10 86

D697

U B888 AAB
MAHATHIR-CUEPACS 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENOLAK GESAAN SUPAYA DIGABUNGAN KELIMA-LIMA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN MENJADI SEBUAH BADAN BAGI KESELURUHAN PERKHIDMATAN AWAM UNTUK MENDAPATKAN HAK RUNDINGAN SEPERTI DI SEKTOR SWASTA.

BELIAU BERKATA SEKTOR AWAM TIDAK BOLEH DISAMAKAN DENGAN SEKTOR SWASTA KERANA KERAJAAN BUKAN SYARIKAT YANG Mencari Untung Bagi Beberapa Orang Yang Memilikinya.

+JIKA KERAJAAN TERHALANG DARIPADA MENERUSKAN PENTADBIRAN NEGARA, MAKA YANG AKAN MENDERITA DAN MENGALAMI KERUGIAN IALAH RAKYAT DAN NEGARA DAN MEREKA YANG MENGHALANG ADALAH JUGA RAKYAT YANG AKAN RUGI APABILA NEGARA RUGI, SEKURANG-KURANGNYA DALAM JANGKA PANJANG.+

DI SAMPING ITU, KATANYA JIKA TAWAR-MENAWAR DIBENARKAN, KERAJAAN AKAN TERPAKSA BERDEPAN DENGAN KESATUAN-KESATUAN SEKERJA DAN KETEGANGAN AKAN BERLAKU.

+KERAJAAN YANG SENTIASA DIUGUT ATAU DISERANG OLEH TINDAKAN-TINDAKAN PERUSAHAAN TIDAK AKAN DAPAT MENJADI KERAJAAN YANG BERKESAN DAN TANPA KERAJAAN YANG BERKESAN, BERMACAM-MACAM PERKARA YANG TIDAK DIINGINI, TERMASUK TERGUGATNYA KESELAMATAN RAKYAT DAN NEGARA, AKAN BERLAKU.+ -- BERNAMA

1410MST 20 10 86